

CNS2590

U GB 30-04 00178 BA231

bah

MAHATHIR YAKIN BN TAWAN SEMULA SABAH

Mahathir - BN

SANDAKAN, 30 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinan bahawa Barisan Nasional (BN) akan dapat memenangi semula negeri Sabah yang kini diperintah oleh parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS).

Katanya, tujuan utama BN begitu berhasrat untuk merebut semula Sabah ialah demi pembangunan negeri itu kerana ia kini ketinggalan dalam arus kemajuan.

Ketika negeri-negeri lain yang dikuasai BN mencapai kemakmuran, Sabah dan Kelantan, yang diperintah PAS, menjadi sebaliknya.

+Tujuan kita bukan kerana angkuh kuasa, bukan kerana hendak pegang jawatan atau mengamal politik perkauman tetapi untuk kemajuan dan pembangunan,+ katanya pada perhimpunan ramai yang dihadiri oleh kira-kira 15,000 orang di padang bandaran di sini petang ini.

Acara itu juga disiarkan secara langsung oleh RTM...

Dalam ucapan hampir satu jam itu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno menyentuh mengenai kejayaan ekonomi dan kestabilan politik Malaysia yang katanya, adalah berpunca kepada sikap toleransi pelbagai kaum yang menjadi tunggak kerajaan BN. -- Lagi.

▼30/04/19-05MST

R GB 30-04 00171 BA240

bah

Mahathir - BN 2 Sandakan

Perdana Menteri berkata beliau sedih melihat pertumbuhan ekonomi negeri ini sudah jauh ketinggalan, malah Sarawak yang dahulunya di belakang Sabah, kini sudah lebih maju.

+Sandakan sendiri dahulunya adalah pusat perdagangan utama di negeri ini. Penduduknya hidup lebih mewah. Ini tempat kekayaan Sabah terlihat nyata. Jumlah jutawan dan hartawan begitu banyak.

+Sepatutnya keadaan menjadi lebih baik hari ini. Tetapi keadaan menjadi sebaliknya. Ia bukan lagi pusat perdagangan terkenal dan jumlah orang kaya merosot sekali,+ tambah beliau.

Katanya, sukar bagi kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan bantuan kepada kerajaan negeri yang diperintah pembangkang kerana, mereka akan mendakwa bantuan yang diperolehi itu atas usaha mereka.

Kerajaan parti pembangkang tidak mempunyai kemampuan dan tidak berkuasa membuat pembangunan. Perkara ini hanya ada pada kerajaan Pusat, katanya.

Beliau menyebut contoh pelaksanaan beberapa projek besar seperti kereta nasional Proton Saga, kilang besi Perwaja, pembangunan pelancongan Langkawi dan pembangunan Pulau Labuan yang dikritik habis-habisan pada permulaannya kerana dikhuatiri menjejaskan negara. -- Lagi.

▼30/04/19-32MST

R GB 30-04 00174 BA241

bah

Mahathir - BN 3 Sandakan

+Hari ini projek-projek ini mendapat pengiktirafan antarabangsa, mendapat keuntungan besar.

+Sebab itu kalau BN dapat memerintah Sabah, rakyat akan mendapat banyak nikmat. Pemerintahan PBS hanya tertumpu kepada politik kekal kuasa sahaja, katanya lagi.

Sambil menggesa rakyat Sabah menyokong BN, beliau meminta mereka memikir dengan mendalam apa faedahnya Sabah diperintah parti pembangkang.

+Betapa ruginya rakyat di sini kerana tidak memilih BN tetapi masih belum terlambat untuk memilih BN pada pilihan raya akan datang.

+Kalau mereka (PBS) berani, pilihan raya (negeri) diadakan tidak lama lagi, kalau tak berani lambat lagi, + katanya ketika berseloroh mengenai khabar-khabar angin kononnya kerajaan negeri akan mengadakan pilihan raya mengejut di Sabah. Beliau menggesa pengundi mengetepikan PBS dan DAP.

Sebelum itu, Timbalan Pengerusi Umno Sabah Tun Datu Mustapha Datu Harun dalam ucapannya menyatakan sokongan padu parti dan penyokong Umno kepada kepimpinan Dr Mahathir.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat selaku Setiausaha Agung Umno dan pemimpin-pemimpin Umno Sabah. -- Bernama.

▼30/04/19-33MST